



LAPORAN KURSUS

KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF

JABATAN AUDIT NEGARA TAHUN 2016

"It isn't an innovation until the value is delivered and innovation should be measured based on outcomes."

Source: How To Stay Relevant When The World Is Changing, The Business Model Innovation Factory, Saul Kaplan, 2012.

Teratak Riverview, Tanjung Malim,
Perak Darul Ridzuan, Malaysia

6 – 9 Mac 2016

K

I

K

"Coming Together is Beginning; Keeping Together is Progress; Working Together is Success"

Henry Ford

"A Leader Is One Who Knows The Way, Goes The Way And Shows The Way"

Jhn C. Maxwell

"Innovation Distinguishes Between A Leader And A Follower"

Steve Jobs

"What You Do Today, Can Improve All Your Tomorrows"

Ralph Maston

"If Your Actions Inspire Others To Dream More, Learn More, Do More And Become More, You Are A Leader"

John Quincy Adams

KANDUNGAN

1.0	PENDAHULUAN	1
2.0	OBJEKTIF KURSUS.....	2
3.0	PENGISIAN PROGRAM.....	3
3.1	Pengenalan Kursus.....	3
3.2	Perasmian Kursus	4
3.3	Penceramah Kursus.....	4
3.4	Latihan Fizikal, Mental dan Spiritual.....	10
3.5	Penilaian Peserta Kursus	11
3.6	Sesi Penutup	11
3.7	Rumusan Kursus	13
4.0	KEHADIRAN PESERTA	15
5.0	GAMBAR-GAMBAR SEMASA KURSUS DIJALANKAN	17
6.0	PENCAPAIAN PESERTA KURSUS	20
6.1	Penilaian Terhadap Komitmen Peserta Kursus.....	20
6.2	Peserta Kursus Terbaik:.....	21
6.3	Penilaian Prestasi Kumpulan.....	22
7.0	PENILAIAN KURSUS OLEH PESERTA	26
8.0	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN DARIPADA PESERTA KURSUS	27
8.1	Rekabentuk Program:.....	27
8.2	Logistik dan Kemudahan:.....	28
8.3	Pengurusan Program:.....	29
8.4	Penilaian Keseluruhan:.....	29
8.5	Peningkatan Pengetahuan dan Kefahaman Peserta:	30
8.6	Maklumbalas kepada Penceramah:	30
9.0	KOS PENGANJURAN.....	31
10.0	TINDAKAN SELEPAS KURSUS	31
11.0	RUMUSAN	31
12.0	PENGHARGAAN	31

LAPORAN KURSUS KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)

JABATAN AUDIT NEGARA TAHUN 2016

1.0 PENDAHULUAN

Menurut Kinicki dan William (2003), inovasi adalah kaedah atau salah satu usaha dalam mencari jalan untuk menghasilkan produk baru dan perkhidmatan yang lebih baik. Ini bermakna, setiap organisasi sama ada berdasarkan keuntungan atau tidak dituntut sentiasa bersaing dalam menghasilkan idea yang kreatif bagi manfaat organisasi bersama. Inovasi juga memerlukan keupayaan berfikir secara mendalam (deemed) untuk menghasilkan sesuatu yang baru di pasaran yang akan merubah persamaan antara permintaan dan pengeluaran (supply-demand equation) serta membezakan prinsip antara *Leader* dan *Follower*.

Sehubungan dengan itu, Unit Inovasi, Bahagian Hal Ehwal Korporat (BHEK), Jabatan Audit Negara (JAN) telah dipertanggungjawabkan untuk menganjurkan program-program inovasi dengan tujuan meningkatkan kesedaran, kemahiran dan pengetahuan warga JAN dalam membudayakan dan seterusnya melaksanakan inovasi di peringkat Jabatan selaras dengan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bil. 1/2006 dan Dasar Inovasi JAN.

Lantaran itu, sebagai langkah yang konsisten, tahun 2016 merupakan giliran penganjuran Konvensyen KIK di peringkat JAN yang merupakan medan atau platform serta memberi ruang untuk persempahan projek-projek KIK yang telah dilaksanakan atau dibangunkan oleh penggiat inovasi di pejabat masing-masing. Projek-projek Inovasi ini penting bagi membanteras permasalahan semasa, rungutan, kritikan, ketidakpuasan hati bekerja serta pembaziran dari aspek masa, tenaga dan kos. Mendepani cabaran tersebut, warga JAN digalakkan dan dipanggil untuk berfikiran kritis, membina, bangun dari kealpaan, terus mencipta peluang dan memberi penambahbaikan terhadap kesukaran tugas harian walaupun dengan sumber-sumber yang terhad. Setiap usaha tersebut memerlukan kesungguhan, kemahiran, pengetahuan, sikap positif, semangat kerja berpasukan dan *istiqamah* iaitu melalui usaha konsisten yang berterusan dan tidak mudah untuk berputus asa.

Justeru, bagi menghargai usaha-usaha tersebut, pihak pengurusan tertinggi JAN melalui Jawatankuasa Pemandu Inovasi JAN berbesar hati untuk mengiktiraf dan memberi penghargaan kepada kumpulan-kumpulan yang berjaya menghasilkan projek-projek yang berkualiti, berinovatif, boleh direplikasi, penjimatan kos, masa dan sumber manusia, peningkatan hasil/output, meningkatkan kepuasan *stakeholders* dan pekerja yang akhirnya nanti menyumbang kepada peningkatan imej Jabatan Audit Negara. Hatta, sebagai langkah persediaan yang jitu, Ketua Audit Negara Malaysia, YBhg. Tan Sri Haji Ambrin Bin Buang telah meluluskan Kursus KIK khusus untuk warga JAN pada 6 - 9 Mac 2016 (4 hari 3 malam) di Teratak River View, Tanjung Malim, Perak demi membangunkan dan menambah nilai *Intellectual Capital* JAN.

2.0 OBJEKTIF KURSUS

Dalam menghadapi cabaran-cabaran semasa dan mendatang, kursus KIK yang telah dianjurkan bertujuan memberi kefahaman tentang kaedah, format, persembahan dan proses penghasilan inovasi yang berimpak tinggi dan mempunyai ciri-ciri *replicability* melalui latihan yang dibimbing oleh pakar. Antara lain, objektif kursus KIK ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan serta kefahaman para peserta mengenai konsep dan pendekatan KIK yang boleh diguna pakai serta dilaksanakan di organisasi masing-masing.

Kursus ini juga telah dapat memberikan gambaran dan pendedahan kepada para peserta mengenai contoh-contoh atau teknik yang boleh digunakan dalam membantu meningkatkan kreativiti untuk menjana idea-idea segar dan baru bagi melaksanakan projek-projek KIK.

Justeru, ia dapat mendorong penglibatan para penggiat inovasi, pencinta kesempurnaan, ahli inovatif, ahli fikir, ahli kritis, ahli positif, ahli proaktif, golongan yang mahu maju kehadapan, untuk tampil secara sukarela bermusyarakah dan beriltizam melalui proses-proses dinamik yang kreatif serta bertindak secara konsisten, aktif, berpasukan dan komited dalam menyumbang kepada proses penambahbaikan sistem pengauditan, pengurusan dan pentadbiran di organisasi masing-masing melalui pelaksanaan KIK yang akhirnya nanti dapat memberi kebaikan bukan sahaja kepada individu terbabit malahan secara tidak langsung kepada Jabatan dan seluruh jentera pentadbiran dan pengurusan kewangan negara amnya.

3.0 PENGISIAN PROGRAM

3.1 Pengenalan Kursus

Sesi pengenalan dan objektif kursus telah disampaikan oleh **Encik Khairul Azrin Bin Mod Rifat, Penolong Pengarah Audit, Bahagian Hal Ehwal Korporat, Jabatan Audit Negara**. Sesi tersebut dimulakan dengan aktiviti membetulkan niat peserta bagi persediaan menghadapi kursus serta ***Ice Breaking*** dan persediaan ***Battle Cry*** oleh peserta-peserta Kursus mengikut kumpulan yang telah dibahagikan oleh urus setia. Peserta-peserta juga telah disarankan untuk menimba ilmu dengan fokus, bekerjasama dengan penuh komited dan penglibatan secara aktif dalam setiap tugas yang diberikan khususnya dalam membuat beberapa presentasi yang bertujuan bagi memantapkan teknik penyampaian, membuang perasaan malu dan takut berhadapan dengan orang ramai, menambah keyakinan diri, pengurusan masa yang baik, bertindak kreatif dalam masa yang singkat, responsif dengan faktor persekitaran dan tidak mencari alasan terhadap perkara yang remeh, semangat kerjasama satu pasukan dan semangat tidak berputus asa. Kesan atau impak yang dihasilkan melalui penglibatan yang bersunguh-sungguh dan fokus akan memberi faedah kepada peserta itu sendiri dan secara tidak langsung memberi kesan kepada JAN dan negara.



Aktiviti *Ice Breaking* sedang dijalankan



Persembahan *Battle Cry* oleh Kumpulan Outsmart

3.2 Perasmian Kursus

Kursus ini telah dirasmikan secara rasmi oleh **YBhg. Lt. Kol. (K) Datuk Haji Anwari Bin Suri, Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)** merangkap **Pengerusi Jawatankuasa Pemandu Inovasi JAN**. Kehadiran, ucapan dan harapan beliau telah merubah persepsi negatif dan memberi impak positif kepada *attitude* peserta yang mana telah menghadapi pelbagai cabaran dalam menjalani latihan sepanjang tempoh kursus berkenaan. Antara cabaran-cabaran tersebut adalah lokasi berada dalam hutan, tiada talian telefon dan internet, cuaca panas, tiada kemudahan air-cond serta masa kursus yang pendek dan padat. Sungguhpun begitu, peserta-peserta kursus yang pada mulanya kelihatan tidak berpuas hati dengan lokasi tersebut berjaya mengadaptasi keadaan persekitaran dan memberi komitmen yang sangat tinggi dalam menjayakan setiap aktiviti sepanjang tempoh kursus berkenaan.

3.3 Penceramah Kursus

Penceramah jemputan bagi kursus ini adalah **Tuan Haji Mohd Hussaini Morid (CEO/Prinsipal Konsultant), QKM Consults Sdn. Bhd.** Sepanjang kursus tersebut, penceramah telah menggabungkan sesi ceramah dan kaedah latih amal.

Antara tajuk-tajuk dan butiran ceramah yang telah disampaikan adalah seperti berikut:

a) Pengenalan Kepada KIK

- ✓ Objektif
- ✓ Definisi
- ✓ Impak KIK
- ✓ Kepentingan KIK
- ✓ Revolusi KIK (bermula di Jepun sejak tahun 1940, PRE-QCC, QCC/ICC, KMK, KIK, KONVENTSYEN)

b) Tatacara Pelaksanaan Projek KIK

✓ Pengenalan

Visi, Misi, Objektif, Latar Belakang, Bidang/Skop Perkhidmatan, Carta Organisasi, Nama Kumpulan, Logo, Moto, etika, Objektif, Carta Organisasi Kumpulan, Pencapaian, Latar Belakang Ahli, Peranan & penglibatan ahli, Kekuatan Ahli & Kumpulan (Carta Radar)

✓ Kaedah Pelaksanaan Projek (Kaedah Kitaran P.D.C.A)

- **Plan** (Penubuhan kumpulan, Mengenal pasti Masalah, Memilih Masalah (Tema Projek), Definisi Masalah, Menganalisis masalah, Cadangan Penyelesaian Masalah)
- **Do** (Pelaksanaan Cadangan (Ujicuba)
- **Check** (Mengukur Pencapaian dan Kejayaan)
- **Action** (Pemerhatian, Standardisasi, Tindakan susulan)

✓ Kawalan Pelaksanaan projek (Carta Perbatuan – Enam bulan)

c) Pemilihan Projek

- ✓ **Definisi Masalah** (Sesuatu yg kita tidak ingin dan mahu berlaku, jurang atau gap antara apa yg sepatutnya berlaku dan apa yang berlaku)
- ✓ **Kategori Masalah** (Kos Berlebihan (Pembaziran), Kesesakan(Kelewatan), Kualiti (Gagal Memenuhi Kehendak Pelanggan), Perkhidmatan (Gagal memberi kepuasan pelanggan)

- ✓ **Bagaimana Mengenal pasti projek** (Semasa proses pemilihan masalah, ambil kira: kemampuan berkumpulan, kepentingan jabatan, kos yang terlibat dan tempoh masa penyelesaian)
 - **Pertama:** Perkara yang menyebabkan masalah, banding dengan standard, banding dengan polisi, perkara yang menyusahkan proses seterusnya, banding dengan syarikat/agensi lain, banding dengan hasil terbaik, banding dengan tempat kerja lain.
 - **Kedua:** Senaraikan masalah
 - **Ketiga:** Senarai Pendek Masalah
 - **Keempat:** Menilai Masalah
 - **Kelima:** Memilih Topik

- ✓ **Projek-projek Berimpak Tinggi**
 1. Pastikan masalah yg dipilih merupakan teras perkhidmatan organisasi/jabatan/bahagian
 2. Fahami visi, objektif dan piagam pelanggan
 3. Pilih Projek kaizen, bukan Gemba kaizen atau spot kaizen
 4. Hubungkait projek dengan misi, visi, objektif dan piagam pelanggan
 5. Cth:
 - JKR:Tajuk Asal:
Kerosakan Pam Air di Loji Perawatan
ditukar kepada
Gangguan Bekalan Air Sering Berlaku di Luar Bandar.
(Projek ini memenangi Konvensyen KIK Kebangsaan Sektor Awam 2014, 10 projek terbaik di Konvensyen ICC Kebangsaan 2014 dan International ICC/QCC Convention, Japan 2014)
 - Jabatan Kesihatan Kuala Lumpur
“Kadar Bacaan BMI Kakitangan Jabatan Tinggi”
ditukar kepada
“Kadar Bacaan BMI Wargakota Tinggi”

d) Penjelasan Projek

- ✓ **Elemen Penting:**
 - a. **Definisi Projek:** Jelaskan istilah-istilah teknikal dan terangkan tajuk dengan kata kunci dan kaedah 5W dan 1H.

- b. **Latar Belakang Projek:** Penjelasan gunakan data dan maklumat. Tunjukkan analisa data. Dipersembahkan dalam bentuk jadual, graf dan diperkuuhkan dengan gambar-gambar sebagai bukti.
- c. **Sasaran Penambahbaikan:** Masa, kos, penjimatan sumber Produktiviti dan kepuasan pelanggan.

e) **Analisa Projek**

- ✓ **Elemen Penting:**
 - a. **Menyenarai punca-punca masalah:** Gunakan kaedah Rajah Ishikawa/ Rajah sebab-akibat.
 - b. **Pilih Punca masalah Paling Mungkin:** Pemilihan berdasarkan verifikasi dan validasi setiap punca masalah. Kekuatan hujah antara sokongan data vs. Pemerhatian dan pengalaman.
 - c. **Sasaran Penambahbaikan:** Masa, kos, penjimatan sumber Produktiviti dan kepuasan pelanggan.

f) **Cadangan Penyelesaian**

- ✓ **Menyenaraikan alternatif cadangan:**
 - Gunakan punca-punca masalah paling mungkin sebagai asas penyenaraian alternatif cadangan, kaedah seperti rajah pokok.
- ✓ **Menyenarai pendek alternatif cadangan:**
 - Tentukan alternatif cadangan paling praktikal menggunakan kaedah yang bersesuaian seperti pemilihan berkriteria: P.M.I, Pro & Contra
 - Gabungkan beberapa cadangan paling praktikal untuk menghasilkan Inovasi
- ✓ **Membina asas inovasi:**
 - Gabungkan beberapa cadangan paling praktikal untuk menghasilkan Inovasi
- ✓ **Meneroka idea kreatif untuk melahirkan inovasi:**
 - Tetapkan kriteria asas untuk berkreatif. Gunakan kaedah seperti S.C.A.M.P.E.R, R.I.C.E, E.R.R.C, Mind Mapping dsb.

- ✓ **Penjelasan inovasi:**
'Branding', Penjelasan nama Inovasi, ciri-ciri, modul yang terdapat (jika sistem), komponen (jika alat), kebaikan/kelebihan
- ✓ **Pra pelaksanaan ujicuba cadangan:**
Rangka Jadual Pelaksanaan Ujicuba, Permohonan laksana ujicuba, taklimat ujicuba dan dapatkan kelulusan daripada pengurusan atasan.

g) Tindakan Ujicuba Cadangan

- ✓ **Pembangunan Inovasi**
Tunjukkan proses pembangunan. Jika sistem, tunjuk kitaran pembangunan sistem. Jika alat, tunjuk proses pembinaan alat dan ujicuba kesesuaian rekabentuk.
- ✓ **Nilai rekabentuk Inovasi**
Buat kajian keberkesanan alat daripada segi rekabentuk. Jika pengguna alat tidak berpuas hati, lakukan penambahbaikan, gunakan kaedah menjana idea kreatif sekali lagi. Jangan guna tool yang sama.
- ✓ **Kutip dan analisa data Selepas Ujicuba**
Kutip data punca-punca masalah paling mungkin untuk menilai pencapaian. Bandingkan kekerapan (atau masa, atau kos) sebelum dan selepas ujicuba)
- ✓ **Nilai tahap pencapaian Ujicuba**
Jika capai sasaran, teruskan dengan analisa pencapaian dan impak projek. Jika tidak tercapai sasaran, buat analisa punca-punca kegagalan, tambahbaik ciri-ciri inovasi menggunakan tools jana idea kreatif. Buat ujicuba sekali lagi dan ulang langkah 3 di atas.

h) Pencapaian Projek (Outcome & Impak)

- ✓ **Buktikan Faedah Diperolehi**
Peningkatan output/hasil kerja, masa, penjimatan sumber manusia, tahap kepuasan pelanggan hati pelanggan, tahap kepuasan pekerja & imej Jabatan. Tunjukkan sebelum dan selepas projek. Pembuktian mesti berdasarkan data yang boleh diukur.

✓ **Impak Projek**

Kesan projek kepada organisasi, masyarakat dan kerajaan, perkukuhkan dengan gambar-gambar dan video (semasa persembahan projek). Elok ada testimoni dalam bentuk surat pengesahan pencapaian, surat penghargaan atau temubual (dalam perembahan).

✓ **Keunikan Inovasi**

Buat perbandingan hasil inovasi dengan sistem atau peralatan yang hampir serupa yang terdapat di organisasi lain atau dalam Industri yang sama.

i) **Pemantauan dan Penyeragaman**

✓ **Pemantauan Sebelum Penyeragaman**

Tunjukkan pemantauan telah dibuat terhadap pencapaian. Data mesti tunjukkan tahap pencapaian kekal atau lebih baik. Data diambil dan dipersembahkan selepas projek telah berjaya.

✓ **Penyeragaman**

Perkara-perkara yang perlu ada dalam penyeragaman:

- Surat mohon kelulusan penyeragaman kepada pihak pengurusan.
- Buktiikan kelulusan penyeragaman telah diperolehi.
- Kemaskini carta Aliran Kerja (jika projek melibatkan penambahbaikan proses).
- Tunjukkan dokumen S.O.P telah disediakan.
- Tunjukkan manual Penggunaan Peralatan atau Sistem.
- Taklimat atau latihan telah dijanakan.

j) **Penilaian Kumpulan**

✓ **Prestasi Kumpulan Sebelum dan Selepas Projek**

Tunjukkan kemajuan menggunakan alat kawalan kualiti yang sesuai, misalnya Carta Radar.

✓ **Tindakan Meningkatkan Prestasi**

- Tunjukkan tindakan-tindakan yang diambil untuk meningkatkan prestasi ahli-ahli semasa penyelesaian dijalankan demi kebaikan masa hadapan.
- Jelaskan pembelajaran daripada projek yang telah disempurnakan.

3.4 Latihan Fizikal, Mental dan Spiritual

Peserta-peserta kursus juga telah melalui latihan fizikal, mental dan spiritual melalui aktiviti ***solat subuh berjemaah/ senaman pagi/ Fox Hunting*** yang berteraskan semangat kerja satu pasukan, kepimpinan, berfikiran kreatif dan inovatif, tidak kenal erti penat dan putus asa dalam menyelesaikan setiap masalah dan tugas yang diberikan dalam masa yang ditetapkan. Latihan ini telah dilaksanakan oleh Bahagian Kompetensi, Cawangan Pembangunan Modal Insan, Jabatan Audit Negara serta urus setia dari CPMI dan BHEK yang diketuai oleh **Encik Mohd Nasaruddin Shah Bin Abdullah.**



Peserta sedang menjalani senaman pagi



Peserta sedang menjalani program *Fox Hunting*

3.5 Penilaian Peserta Kursus

Setiap persembahan dan prestasi kumpulan telah dinilai oleh urus setia/ panel bagi menilai kualiti persembahan. Mereka yang telah terlibat adalah En. Syariffuddin Bin Sharif, En. Azlam Bin Abdullah dan En. Nasaruddin Bin (**Battle Cry**), Tuan Haji Mohd Hussaini Morid (**Persembahan Projek KIK**), En. Mohd Nasaruddin Shah Bin Abdullah dan urus setia (**Fox Hunting**), YBhg. Datuk Haji Anwari Bin Suri dan En. Noradzri Bin Abdul Rahman (**Persembahan Kreatif**) serta En. Khairul Azrin Bin Mod Rifat (**Penilaian Terhadap Prestasi Peserta Kursus Secara Individu/Berkumpulan**)

3.6 Sesi Penutup

Semasa sesi penutup kursus secara rasmi, **YBhg. Lt. Kol. (K) Datuk Haji Anwari Bin Suri, Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)** telah sudi menyampaikan sijil kepada peserta kursus dan memberikan ucapan penghargaan kepada setiap peserta dan urus setia atas segala komitmen untuk menjayakan inovasi di pejabat masing-masing khususnya dan secara tidak langsung kepada Jabatan Audit Negara amnya.



3.7 Rumusan Kursus

Sesi rumusan kursus telah dilaksanakan dan disampaikan sekali lagi oleh **Encik Khairul Azrin Bin Mod Rifat, Penolong Pengarah Audit, Bahagian Hal Ehwal Korporat, Jabatan Audit Negara**. Sesi rumusan tersebut antaranya merungkai *pro and cons* bagi penetapan objektif setiap latihan dan modul yang telah dijalankan dan kebaikannya kepada peserta-peserta.

Bagi menambah nilai kursus tersebut, ucapan amanat dan persediaan menghadapi Konvensyen KIK JAN 2016 telah disampaikan oleh **Timbalan Pengarah, Bahagian Hal Ehwal Korporat, Jabatan Audit Negara** iaitu **Encik Noradzri Bin Abdul Rahman**. Peserta-peserta telah dituntut untuk sentiasa memberi penambahbaikan dalam proses dan persekitaran kerja sedia ada dan tidak terus berada di dalam keadaan selesa dengan tanpa sedar mengadaptasi persekitaran kerja yang tidak berkualiti dan proaktif.

Bagi tujuan pengukuran, peserta-peserta telah diberikan **Borang Penilaian Kursus** untuk memberi peluang kepada peserta memberi input kepuasan terhadap kursus yang telah dijalankan, menilai kesan kursus terhadap peserta dan mengemukakan cadangan penambahbaikan terhadap kursus pada masa akan datang.

Sebelum peserta bersurai, setiap permasalahan dan cadangan yang dikemukakan oleh peserta kursus telah mendapat *instant response* daripada Encik Khairul Azrin Bin Mod Rifat bagi menjelaskan secara rasional setiap cadangan, sebab, kebaikan, persetujuan terhadap setiap perkara-perkara yang berbangkit.

Diakhir kursus, setiap peserta bersalaman dengan semua peserta dan urus setia sebagai tanda perpisahan, bermaaf-maafan, permuafakatan dan persetujuan untuk bertindak sebagai **AGEN TRANSFORMASI NEGARA** amnya dan Jabatan Audit Negara khususnya.





Sesi bersalaman sebelum bersurai

4.0 KEHADIRAN PESERTA

Seramai 45 orang peserta terdiri daripada ahli-ahli KIK baru yang telah dilantik dari pelbagai Negeri/Sektor/Cawangan/Bahagian JAN di seluruh negara telah menghadiri kursus tersebut seperti di **Jadual 1** berikut:

Jadual 1
Senarai Peserta Yang Telah Menghadiri Kursus

BIL.	SENARAI PESERTA/SEKTOR/JAN NEGERI	JAWATAN	GRED
PESERTA – SEKTOR PENGURUSAN			
1.	EN. MUHAMMAD HUSAINI BIN AZHAR	PEMBANTU TADBIR	N17
2.	EN. AZIZI BIN ZULKIPLI	JURUTEKNIK	F17
3.	EN. HASHAN BIN MOHD KHALID	JURUTEKNIK	F17
4.	EN. ZULKIFLI BIN SULONG	PEMBANTU OPERASI	N11
PESERTA – SEKTOR AUDIT BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN			
5.	PN. NORDAYANA SRI BINTI RIDZOAN	PENOLONG JURUAUDIT	W27
6.	PN. MASLIZA BINTI MANAJAT	PENOLONG JURUAUDIT	W27
7.	EN. AZUAN SYAH BIN HARON	PENOLONG JURUAUDIT	W27
PESERTA – SEKTOR AUDIT KHAS DAN PENYELIDIKAN			
8.	EN. MUHAMMAD ZHAFFAN BIN ZAINI	PENOLONG PENGARAH AUDIT	W41
9.	PN. NOR AFIZAH BINTI MUSTAFA	PENOLONG JURUAUDIT	W36
10.	EN. MUHAMMAD HAFIZ BIN RAMLY	PENOLONG JURUAUDIT	W27
PESERTA – SEKTOR AUDIT KERAJAAN PERSEKUTUAN			
11.	PN. NATASHA BINTI ABD RAHIM	SETIAUSAHA PEJABAT	N27
PESERTA – JAN NEGERI PERLIS			
12.	PN. NURULHUDA BINTI GHAZALI	PENOLONG PENGARAH AUDIT	W41
PESERTA – JAN NEGERI JOHOR			
13.	PN. IAIDAHWATI BINTI PARMAN	PENOLONG PENGARAH AUDIT	W41
14.	PN. SHEREEN AZILA BINTI ABDUL RANI	PENOLONG JURUAUDIT	W32
PESERTA – JAN NEGERI SABAH			
15.	EN. HASBULLAH BIN OMAR	PENOLONG PENGARAH AUDIT	W41
16.	EN. MOHAMMAD AFIFI BIN MAT THANI	PENOLONG JURUAUDIT	W27
17.	PN. TRACY WONG SHU CHENG	PENOLONG JURUAUDIT	W27
18.	PN. NORAINI BINTI OMAR	PENOLONG JURUAUDIT	W27
PESERTA – JAN NEGERI KEDAH			
19.	EN. MOHAMAD NIZAM BIN PARA@PORA	PENOLONG JURUAUDIT	W32
20.	EN. AMIRUDDIN BIN AHMAD	PENOLONG JURUAUDIT	W27
21.	EN. SHAH ISKANDAR BIN YAHAYA	PENOLONG JURUAUDIT	W27
22.	CIK NURUL AFIFAH BINTI HJ IBRAHIM	PEMBANTU OPERASI	N11
PESERTA – JAN NEGERI KELANTAN			
23.	EN. MOHD NOORNEZAM BIN MD AROFF	PENOLONG PENGARAH	W41
24.	EN. HAMDI BIN KHALIB@KHALID	PENOLONG JURUAUDIT	W32
25.	PN. NORAZMAWATI BINTI WAHAB	PENOLONG JURUAUDIT	W27
PESERTA – JAN NEGERI PERAK			
26.	PN. SHARIZUL AZREENA BINTI ZULKIFLI	PENOLONG PENGARAH AUDIT	W41
27.	EN. SAMARI BIN SARING	PENOLONG JURUAUDIT	W36
28.	PN. HANISA BINTI ABDULLAH	PENOLONG JURUAUDIT	W27
29.	PN. NORFARADILA BINTI MOHD AZEMAN	PENOLONG JURUAUDIT	W27

BIL.	SENARAI PESERTA/SEKTOR/JAN NEGERI	JAWATAN	GRED
PESERTA – JAN NEGERI PULAU PINANG			
30.	PN. NOR ASIAH BINTI AHMAD	PENOLONG PENGARAH AUDIT	W41
31.	EN. RIZUAN BIN ISMAIL	PENOLONG JURUAUDIT	W27
32.	PN. ROSLINA BINTI SADRY	PENOLONG JURUAUDIT	W27
PESERTA – JAN NEGERI SELANGOR			
33.	EN. SHAHRUL AFIFI BIN ABD. HADI	PENOLONG JURUAUDIT	W27
34.	EN. MUHAMMAD FAIZAL BIN ABDUL RASHID	PENOLONG JURUAUDIT	W27
PESERTA – JAN NEGERI MELAKA			
35.	PN. NOOR SYAEERA BINTI NASIR	PENOLONG PENGARAH AUDIT	W41
36.	PN. JAMALIAH BINTI JAINAL	PENOLONG JURUAUDIT	W27
37.	PN. NORITA AZUAN BINTI SAUFOAN	PENOLONG JURUAUDIT	W27
38.	PN. NORAZIELAH BINTI RAMLI	PEMBANTU TADBIR	N17
PESERTA – JAN NEGERI PAHANG			
39.	PN. MIMI BINTI MD SARI	PENOLONG JURUAUDIT	W32
40.	PN. SHAREENA BINTI BAIS	PENOLONG JURUAUDIT	W27
41.	PN. NOR AZIDAH BINTI ZEOL	PENOLONG JURUAUDIT	W27
42.	PN. RUSNIDA BINTI MOHAMED	PENOLONG JURUAUDIT	W27
PESERTA – JAN NEGERI TERENGGANU			
43.	PN. KU ZIAH BINTI ENGU MAT	PENOLONG JURUAUDIT	W32
44.	PN. MARITA BINTI ISMAIL	PENOLONG JURUAUDIT	W27
45.	PN. ZURINA BINTI MAMAT	PENOLONG JURUAUDIT	W27

5.0 GAMBAR-GAMBAR SEMASA KURSUS DIJALANKAN



Peserta Mendengar Dengan Teliti Penerangan Dari Penceramah



Penceramah Memberikan Penerangan



Sesi Soal Jawab Bersama Penceramah



Kumpulan Semut



Kumpulan Outsmart



Kumpulan D'Hybrid



Kumpulan Inspire



Kumpulan Fokus



Kumpulan Tabayun



Kumpulan CIA



Kumpulan Paddy



Gambar Berkumpulan Peserta Bersama Penceramah

6.0 PENCAPAIAN PESERTA KURSUS

6.1 Penilaian Terhadap Komitmen Peserta Kursus

Bagi meningkatkan komitmen peserta kursus terutamanya dari aspek disiplin, menepati masa, fokus terhadap pembelajaran, kerjasama dalam kumpulan, output yang berkualiti, berfikiran kreatif dan inovatif, responsif dengan persekitaran dan bertindak secara smart dan spontan, pihak urus setia telah memberi penarafan bintang kepada peserta-peserta yang layak. Peserta-peserta telah disarankan untuk mendapat sekurang-kurangnya lima bintang semasa sesi pengenalan kursus.

Peserta yang menerima bintang paling banyak diumumkan sebagai peserta terbaik bagi kategori lelaki dan perempuan. Jumlah bintang tersebut juga akan ditambah dalam markah kumpulan masing-masing. Sehubungan dengan itu, berikut adalah 25 (55%) senarai peserta-peserta yang telah menerima sekurang-kurangnya lima bintang.

BIL.	SENARAI PESERTA/SEKTOR/JAN NEGERI	JAWATAN/GRED	GRED	JUMLAH PUNGUTAN BINTANG
PESERTA – SEKTOR PENGURUSAN				
1.	EN. MUHAMMAD HUSAINI BIN AZHAR	PEMBANTU TADBIR	N17	9
2.	EN. ZULKIFLI BIN SULONG	PEMBANTU OPERASI	N11	6
PESERTA – SEKTOR BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN				
3.	PN. MASLIZA BINTI MANAJAT	PENOLONG JURUAUDIT	W27	11
PESERTA – SEKTOR AUDIT KERAJAAN PERSEKUTUAN				
4.	PN. NATASHA BINTI ABD RAHIM	SETIAUSAHA PEJABAT	N27	7
PESERTA – JAN NEGERI PERLIS				
5.	PN. NURULHUDA BINTI GHAZALI	PEN.PENGARAH AUDIT	W41	7
PESERTA – JAN NEGERI JOHOR				
6.	PN. SHEREEN AZILA BINTI ABDUL RANI	PENOLONG JURUAUDIT	W32	8
PESERTA – JAN NEGERI SABAH				
7.	EN. HASBULLAH BIN OMAR	PEN. PENGARAH AUDIT	W41	6
8.	EN. MOHAMMAD AFIFI BIN MAT THANI	PENOLONG JURUAUDIT	W27	11
9.	PN. TRACY WONG SHU CHENG	PENOLONG JURUAUDIT	W27	6
10.	PN. NORAINI BINTI OMAR	PENOLONG JURUAUDIT	W27	6
PESERTA – JAN NEGERI KEDAH				
11.	EN. AMIRUDDIN BIN AHMAD	PENOLONG JURUAUDIT	W27	10
12.	CIK NURUL AFIFAH BINTI HJ IBRAHIM	PEMBANTU OPERASI	N11	5
PESERTA – JAN NEGERI KELANTAN				
13.	EN. MOHD NOORNEZAM BIN MD AROFF	PENOLONG PENGARAH	W41	5
14.	PN. NORAZMAWATI BINTI WAHAB	PENOLONG JURUAUDIT	W27	11
PESERTA – JAN NEGERI PERAK				
15.	PN. SHARIZUL AZREENA BINTI ZULKIFLI	PEN. PENGARAH AUDIT	W41	8

BIL.	SENARAI PESERTA/SEKTOR/JAN NEGERI	JAWATAN/GRED	GRED	JUMLAH PUNGUTAN BINTANG
16.	EN. SAMARI BIN SARING	PENOLONG JURUAUDIT	W36	15
PESERTA – JAN NEGERI PULAU PINANG				
17.	EN. RIZUAN BIN ISMAIL	PENOLONG JURUAUDIT	W27	10
PESERTA – JAN NEGERI SELANGOR				
18.	EN. SHAHRUL AFIFI BIN ABD. HADI	PENOLONG JURUAUDIT	W27	5
19.	EN. MUHAMMAD FAIZAL BIN ABDUL RASHID	PENOLONG JURUAUDIT	W27	11
PESERTA – JAN NEGERI MELAKA				
20.	PN. NOOR SYAEERA BINTI NASIR	PEN. PENGARAH AUDIT	W41	8
21.	PN. JAMALIAH BINTI JAINAL	PENOLONG JURUAUDIT	W27	11
22.	PN. NORITA AZUAN BINTI SAUFOAN	PENOLONG JURUAUDIT	W27	9
PESERTA – JAN NEGERI PAHANG				
23.	PN. SHAREENA BINTI BAIS	PENOLONG JURUAUDIT	W27	10
24.	PN. RUSNIDA BINTI MOHAMED	PENOLONG JURUAUDIT	W27	16
PESERTA – JAN NEGERI TERENGGANU				
25.	PN. MARITA BINTI ISMAIL	PENOLONG JURUAUDIT	W27	5

6.2 Peserta Kursus Terbaik:

Peserta Lelaki Terbaik



En. Samari Bin Saring
JAN Negeri Perak (15 Bintang)

Peserta Wanita terbaik



Pn. Rusnida Binti Mohamed
JAN Negeri Pahang (16 Bintang)

6.3 Penilaian Prestasi Kumpulan

Peserta-peserta telah dibahagikan kepada lapan kumpulan dan markah yang berjaya dipungut oleh setiap kumpulan adalah seperti di jadual berikut:

Bil.	Nama Kumpulan	Markah					
		Battle Cry	Persembahan Projek KIK	Fox Hunting	Persembahan Kreatif	Jumlah Pungutan Bintang	Jumlah Markah
1.	CIA	80	61	56	68.5	16	281.5
2.	SEMETU	80	63	72	85.5	32	332.5
3.	OUTSMART	82	58	66	79.5	17	302.5
4.	PADDY	78	80	90	66.5	47	361.5
5.	TABAYUN	87	86	61	85.5	70	389.5
6.	D'HYBRID	93	85	96	84	47	405
7.	INSPIRE	84	56	42	69	24	275
8.	FOCUS	82	74	62	68	17	303

Nota:

Terbaik

Keputusan Komitmen/ Prestasi Secara Berkumpulan

Urus setia juga telah mengiktiraf dan menerapkan elemen semangat kerja berpasukan kerana ia merupakan elemen penting yang menyumbang kepada faktor kejayaan sesuatu projek KIK. Sehubungan itu, pihak urus setia telah menyediakan hadiah bagi pengiktirafan kepada kumpulan-kumpulan yang telah berjaya seperti berikut:

Johan:



Kumpulan : **D'HYBRID**

Nama Ketua Kumpulan : **En. Rizuan Bin Ismail**

Nama Ahli Kumpulan :
Pn. Noor Syaeera Binti Nasir
Pn. Shareena Binti Bais
Pn. Norita Azuan Binti Saufoan
En. Muhammad Faizal Bin Abdul Rashid

Naib Johan:



Kumpulan

: TABAYUN

Nama Ketua Kumpulan

: En. Samari Bin Saring

Nama Ahli Kumpulan

**: En. Mohamad Afifi Bin Mat Thani
Pn. Rusnida Binti Mohamed
Pn. Masliza Binti Manajat
Pn. Jamaliah Binti Jainal
Pn. Norazmawati Binti Wahab**

Ketiga:



Kumpulan : **PADDY**
Nama Ketua Kumpulan : **En. Mohd Noornezam Bin Md Aroff**
Nama Ahli Kumpulan : Pn. Sharizul Azreena Binti Zulkafli
En. Muhamad Husaini Bin Azhar
En. Amiruddin Bin Ahmad
Pn. Shereen Azila Binti Abdul Rani
Pn. Marita Binti Ismail

7.0 PENILAIAN KURSUS OLEH PESERTA

Pengamatan dan maklum balas yang diterima daripada 45 peserta kursus melalui Borang Penilaian Kursus terhadap aspek-aspek yang dinilai adalah seperti di **Jadual 2** berikut:

Jadual 2
Penilaian Peserta Kursus

BIL.	ASPEK YANG DINILAI	MARAH (%)
1.	Rekabentuk Program <ul style="list-style-type: none"> ✓ Objektif program ini jelas dan relevan ✓ Kandungan program ini berguna dan mencukupi ✓ Jangka masa program ini bersesuaian ✓ Nota dan Bahan program memuaskan 	87%
2.	Logistik dan Kemudahan <ul style="list-style-type: none"> ✓ Lokasi program ini berguna dan mencukupi ✓ Dewan seminar yang digunakan selesa ✓ Makanan dan minuman yang disediakan memuaskan ✓ Peralatan dan kemudahan yang disediakan memuaskan ✓ Penginapan yang disediakan selesa (Jika ada) 	72%
3.	Pengurusan Program <ul style="list-style-type: none"> ✓ Program ini berjalan dengan lancar ✓ Urus setia telah menjalankan tugasnya dengan baik 	91%
4.	Penilaian Keseluruhan <ul style="list-style-type: none"> ✓ Secara keseluruhannya, saya dapat kurusus ini sangat baik 	90%
5.	Peningkatan Pengetahuan dan Kefahaman Peserta <ul style="list-style-type: none"> ✓ Selepas kurusus ini dilaksanakan 	88%
6.	Penceramah <ul style="list-style-type: none"> ✓ Menyampaikan mesej program dengan jelas dan menarik ✓ Mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang mencukupi ✓ Menggunakan kaedah pembelajaran serta alat bantuan yang menarik dan sesuai ✓ Sensitif terhadap keperluan dan penerimaan peserta ✓ Mengendali soalan peserta dan memudah cara pembelajaran dengan berkesan; dan ✓ Secara keseluruhannya, penceramah telah melaksanakan perananya dengan baik. 	95%
	Markah Keseluruhan (Cemerlang)	87.27%

8.0 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN DARIPADA PESERTA KURSUS

Seramai **45** peserta kursus telah memberi maklum balas melalui borang penilaian. Maklum balas ini merupakan syor dan cadangan daripada peserta kursus untuk meningkatkan keberkesanan kursus yang akan datang. Butiran maklum balas peserta adalah seperti berikut;

8.1 Rekabentuk Program:

- ✓ Memperuntukkan masa yang cukup untuk solat,
- ✓ Perlukan banyak outdoor activities;
- ✓ Masa tidak mencukupi menyebabkan banyak perkara menjadi rushing especially event 8 sebelum outdoor. Peserta diberi masa 30 minit sahaja untuk makan dan sembahyang serta persiapan untuk outdoor. Apa-apa pun tempat saya suka;
- ✓ Bagi ruang masa untuk peserta mengerjakan solat sebelum mula aktiviti seterusnya;
- ✓ Bentukkan group- setiap group 10 orang supaya selari dengan format KIK,
- ✓ Setkan jam semasa awal datang kursus, supaya waktu semua orang sama, tak ada yang lewat sebab jam urus setia yang terlebih awal, peruntukkan juga waktu solat untuk setiap waktu, mohon urus setia untuk meletakkan jadual dengan aktiviti sebenar supaya tidak berlaku masalah;
- ✓ Tempoh kursus boleh dilanjutkan agar kandungan program dapat lebih diperincikan. Di masa akan datang, diharap agar kursus ini dapat dilaksanakan dengan lebih awal;
- ✓ Jangkamasa program perlu dipanjangkan bagi memudahkan peserta memahami kursus dengan berkesan;
- ✓ Diharapkan melebihkan aktiviti fizikal untuk menambah daya inovasi peserta dengan sekeliling;

Ulasan dan maklum balas urus setia;

Urus setia menerima setiap teguran atau kekurangan yang berlaku dan bersetuju dengan cadangan-cadangan penambahaikan yang dikemukakan. Bagaimanapun, sebagai penjelasan urus setia telah memaklumkan kepada peserta bahawa reka bentuk kursus sengaja di buat begitu rupa bagi mewujudkan suasana yang tegang dan jadual masa yang padat agar menjadi pengajaran kepada semua peserta tentang kepentingan pengurusan masa, membezakan antara perkara yang lebih

penting dalam kehidupan, patuh kepada perintah tuhan, responsif dengan persekitaran, bertindak dengan efisyen, cepat dalam membuat keputusan, *creative thinking* dan semangat tolong-menolong dalam kerja berpasukan. Suasana yang sama akan berlaku dalam kerja sehari-hari di pejabat. Penerimaan peserta berbeza-beza. Mereka yang positif berjaya menolak perkara yang remeh dan terus komited untuk maju kehadapan. Oleh itu, kejayaan yang dikehendaki oleh peserta kursus dalam menyelesaikan setiap tugas yang diberikan semasa kursus membuktikan mereka juga mampu melaksanakan apa-apa tugas yang diberikan dipejabat dengan pelbagai kesukaran seperti kekangan masa, tenaga dan sumber kewangan.

8.2 Logistik dan Kemudahan:

- ✓ Lokasi tidak sesuai untuk pembelajaran dan pengajaran. Sesuai untuk aktiviti santai dan outdoor (jadi susah nak focus);
- ✓ Sediakan kemudahan internet/line telefon serta kemudahan penginapan hendaklah disediakan bersesuaian dengan peserta yang dihadiri;
- ✓ Tempat dewan besar dan bagus tetapi kipas tak cukup untuk peserta;
- ✓ Lokasi okey. Cuma kipas tidak mencukupi di dewan.
- ✓ Overall semua ok kecuali tempat/dewan pembelajaran, pencahayaan yang kurang sesuai;
- ✓ Jika boleh urus setia kursus maklumkan lebih awal keadaan sebenar di tempat kursus (tiada coverage, towel, laluan masuk yang teruk) supaya peserta lebih bersedia dari segi mental;
- ✓ Menyediakan dewan untuk kerja berkumpulan dengan lebih selesa;
- ✓ Lokasi kursus hendaklah bersesuaian.
- ✓ Lokasi tidak sesuai kerana tiada liputan untuk menerima dan membuat panggilan penting. Sukar menghubungi keluarga;
- ✓ sediakan laptop untuk peserta mencari maklumat serta print document serta sediakan lokasi kursus yang mudah akses dengan wifi/internet;
- ✓ Tempat kursus yang lebih baik dan sediakan laptop@notebook untuk kegunaan setiap kumpulan;
- ✓ Fasiliti penginapan dan bilik kursus perlu dipastikan supaya selesa;
- ✓ Tiada talian/coverage untuk talian mudah alih menyukarkan perhubungan dengan keluarga. Perlu ambil kira perkara ini untuk kursus akan datang;
- ✓ Kipas tidak mencukupi di dewan;

Ulasan dan maklum balas urus setia:

Urus setia menerima setiap teguran atau kekurangan yang berlaku dan bersetuju dengan cadangan-cadangan penambahbaikan yang dikemukakan. Bagaimanapun, sebagai penjelasan urus setia telah memaklumkan kepada peserta bahawa urus setia bertindak secara kreatif dalam ruang masa, kos dan tenaga yang diberikan. Bagi memberikan impak kursus yang berkesan kepada peserta, urus setia meminta setiap peserta memberikan komitmen yang tinggi dan fokus terhadap pembelajaran. Perkara yang paling utama ialah ilmu yang dapat diserap dan diaplikasi dalam pembangunan projek-projek KIK. Terbukti formula tersebut berkesan yang mana peserta-peserta berjaya dalam menyelesaikan setiap tugas atau permasalahan yang diberikan tanpa gangguan luar. Kursus ini juga dapat menimbulkan ciri-ciri kepimpinan yang tinggi di antara peserta terutama dari aspek disiplin, kepimpinan melalui teladan, sentiasa memberi galakan, bersatu hati, memberi arahan dan berjaya membimbing pasukan dengan kaedah yang betul serta yang paling penting tidak mudah berputus asa atau menyerah kalah.

8.3 Pengurusan Program:

- ✓ Pemberian bintang sangat memberi kesan yang positif;
- ✓ Mohon anjurkan siri II yang menekankan lebih kepada tool/kaedah analisis data;

8.4 Penilaian Keseluruhan:

- ✓ Keseluruhan kursus berjalan lancar dan terima kasih urus setia;
- ✓ Menambah baik apa yang kurang;
- ✓ Penglibatan seluruh ahli KIK semasa kursus ini. Semasa panggilan kursus, tawar kepada satu pasukan audit. Seluruh ahli KIK di negeri terdiri daripada 10 orang dan 1 fasilitator;
- ✓ Tingkatkan kreativiti;
- ✓ Kursus seperti ini perlu diteruskan lagi tidak kira apa sahaja tajuk kursus agar motivasi kerja semua pegawai lebih baik dan cemerlang; dan

Ulasan dan maklum balas urus setia:

Urus setia menerima setiap teguran atau kekurangan yang berlaku dan bersetuju dengan cadangan-cadangan penambahbaikan yang dikemukakan. Bagaimanapun, sebagai penjelasan urus setia telah memaklumkan kepada peserta bahawa sebarang cadangan dan tindakan adalah tertakluk kepada keputusan dan kelulusan pengurusan tertinggi Jabatan Audit Negara.

8.5 Peningkatan Pengetahuan dan Kefahaman Peserta:

- ✓ Lebih baik jika ada flow chart. Bermaksud di sini dari step pertama hingga step akhir. Di mana step 1 hingga akhir apa proses yang dilalui sebagai contoh sama dengan carta aliran kerja;
- ✓ Disyorkan supaya pihak urus setia KIK di masa hadapan dapat memberikan kursus “copywriting” dan “storytelling” supaya kemahiran penyampaian peserta dapat ditingkatkan;

Ulasan dan maklum balas urus setia;

Urus setia menerima setiap teguran atau kekurangan yang berlaku dan bersetuju dengan cadangan-cadangan penambahbaikan yang dikemukakan. Bagaimanapun, sebagai penjelasan urus setia telah memaklumkan kepada peserta bahawa manual pelaksanaan KIK telah dikeluarkan oleh MAMPU dan peserta boleh merujuk manual tersebut di portal Jabatan Audit Negara.

8.6 Maklumbalas kepada Penceramah:

- ✓ penyampaian penceramah kurang menarik,

Ulasan dan maklum balas urus setia;

Urus setia tidak bersetuju dengan maklum balas tersebut kerana markah 95% yang diperolehi oleh penceramah melalui Borang Penilaian Kursus adalah cemerlang. Pada pendapat urus setia, ceramah yang disampaikan sangat berkualiti tinggi dan mudah difahami.

9.0 KOS PENGANJURAN

Kos penganjuran kursus ini ditanggung oleh Bahagian Hal Ehwal Korporat dan Cawangan Pembangunan Modal Insan, Bahagian Sumber Manusia seperti berikut:

- a) Penginapan dan makan minum peserta sepanjang kursus (RM17,998.80).
- b) Bayaran elauan penceramah (RM4,664).
- c) Pengangkutan peserta di tanggung oleh Negeri/Sektor/Cawangan/ Bahagian masing-masing.

10.0 TINDAKAN SELEPAS KURSUS

Urus setia telah mendapatkan salinan *softcopy* nota-nota kursus dan memuat naik ke Bank Inovasi untuk rujukan peserta. Pemantauan pelaksanaan projek-projek Inovasi akan dijalankan secara bulanan oleh urus setia.

11.0 RUMUSAN

Kursus tersebut telah berjaya meningkatkan kefahaman dan kemahiran peserta-peserta berkaitan dengan KIK. Adalah diharapkan agar mereka dapat berkongsi ilmu dengan membimbing ahli-ahli pasukan KIK yang masih belum menghadiri kursus di peringkat Negeri/Sektor/Cawangan/Bahagian masing-masing.

12.0 PENGHARGAAN

Ucapan terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan wajar diberikan kepada:

1. YBhg. Tan Sri Haji Ambrin Bin Buang
Ketua Audit Negara Malaysia
2. YBhg. Lt. Kol. (K) Datuk Haji Anwari Bin Suri
Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)/
Pengerusi Jawatankuasa Pemandu Inovasi JAN
3. Tuan Haji Mohd Hussaini Bin Morid
CEO/Prinsipal Konsultant
QKM Consults Sdn. Bhd.
4. Encik Kamaruzaman Bin Umar
Pengarah Sektor Pengurusan
5. Semua Pengarah Sektor, JAN Negeri yang meluluskan kehadiran peserta.

6. Encik Mohd Khairul Bin Zamaluddin
Timbalan Pengarah
Bahagian Kewangan dan Pentadbiran
7. Encik Noradzri Bin Abdul Rahman
Timbalan Pengarah
Bahagian Hal Ehwal Korporat
8. Semua peserta yang hadir dan memberikan perhatian serta komitmen yang tinggi sepanjang kursus dijalankan.
9. Urus setia Kursus:
 - 1) En. Khairul Azrin Bin Mod Rifat
 - 2) En. Mohd Nasaruddin Shah Bin Abdullah
 - 3) En. Syariffuddin Bin Sharif
 - 4) En. Isam Bin Ismail
 - 5) Pn. Ainon Mardia Binti Mohamed Yusof
 - 6) En. Azlam Bin Abdullah
 - 7) Cik Nadia A/P Alang
 - 8) En. Muhammad Hairul Hafiz Bin Abdul Kahar
 - 9) En. Muhamad Izad Bin Amir
 - 10) Pn. Normaidzatulaqma Binti Iskandar
 - 11) Cik Nor Ashikin Binti Alwee
 - 12) En. Abu Rahman Bin Abu Bakar
 - 13) En. Marhisyam Bin Muhammad
 - 14) En. Ahmad Sabri Bin Md Yunus
10. Semua warga JAN yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kursus ini.

Disediakan oleh:

**Unit Inovasi
Bahagian Hal Ehwal Korporat
Jabatan Audit Negara**

29 Mac 2016